



20 MAR, 2022

Perniagaan perlu berubah untuk rebut peluang besar

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Perniagaan perlu berubah untuk rebut peluang besar

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menggesa kalangan perniagaan untuk berubah dan melaksanakan pembaharuan serta meningkatkan kerjasama dengan rakan serantau bagi merebut peluang besar dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Ketika menegakkan perkara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong juga menyifatkan aspek teknologi dan pendigitalan sebagai pemacu perubahan selain menjadi pengupaya untuk bersaing secara cekap di peringkat global.

"Ketika kerajaan komited dalam menyediakan ekosistem kondusif untuk memupuk pertumbuhan perniagaan tempatan melalui dasar, program dan sokongan berterusan serta memudahkan syarikat menceburi industri dan pasaran baharu, namun perniagaan yang perlu bangkit bertindak pantas menerima perubahan serta meribusutkan peluang tersebut," katanya pada seminar 'China-ASEAN in RCEP Implementation: Are Businesses Ready for RCEP' di sini, baru-baru ini.

RCEP berkuat kuasa di Malaysia pada 18 Mac lalu, sekali gus membuka jalan bagi integrasi negara ini dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) terbesar di dunia yang merangkumi 15 negara dengan jumlah penduduk

melebihi 2.2 bilion orang. Lim turut menggesa komuniti perniagaan untuk meninjau program pembangunan kapasiti yang disediakan dalam rangka kerja RCEP yang membolehkan pembangunan serta pengembangan rantaian bekalan dalam negara anggotanya.

"Pengaturan aspek pembangunan kapasiti itu dapat memastikan bahawa ekonomi di tahap pembangunan dan perniagaan yang berbeza juga berpeluang untuk memaksimumkan manfaat pelaksanaan komitmen masing-masing," katanya.

Beliau juga menyifatkan Malaysia berpeluang meraih manfaat daripada integrasi pasaran lebih meluas susulan lokasinya di

tengah-tengah rantau ini yang strategik, pengurangan halangan perdagangan serta kemudahan perdagangan lebih baik yang dapat meningkatkan lagi akses perniagaan ke pasaran negara lain pada kos lebih rendah.

"Bagaimanapun, perniagaan perlulah bertindak pantas beriku-

“Ketika kerajaan komited dalam menyediakan ekosistem kondusif untuk memupuk pertumbuhan perniagaan tempatan melalui dasar, program dan sokongan berterusan serta memudahkan syarikat menceburi industri dan pasaran baharu, namun perniagaan yang perlu bangkit bertindak pantas menerima perubahan serta merebut peluang tersebut.”
- Datuk Lim Ban Hong



tan persaingan sengit," katanya. Menurutnya, Malaysia juga melihat RCEP dapat membuka peluang lebih luas ke arah pemulihan ekonomi pasca pandemik selain kesempatan mengembangkan perniagaan dalam rantau Asia Pasifik.

- Bernama



20 MAR, 2022

Perniagaan perlu berubah untuk rebut peluang besar

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menggesa kalangan perniagaan untuk berubah dan melaksanakan pembaharuan serta meningkatkan kerjasama dengan rakan serantau bagi merebut peluang besar dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP). Ketika menegaskan perkara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong juga menyifatkan aspek teknologi dan pendigitalan sebagai pemacu perubahan selain menjadi pengupaya untuk bersaing secara cekap di peringkat global.